



KENYATAAN MEDIA MENTERI DALAM NEGERI

PENYERAHAN DUA WARGANEGARA MALAYSIA

1. Kerajaan Perpaduan Malaysia Madani atas prinsip hak asasi manusia dan dokongan keadilan sejagat telah menerima dua orang warganegara Malaysia yang diserahkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat selepas ditahan sejak tahun 2006 di Kem Tahanan Guantanamo Bay, Cuba.
2. Kerajaan telah merangka suatu program reintegrasi yang komprehensif khusus untuk kedua-dua individu berkenaan merangkumi bantuan perkhidmatan sokongan, kebajikan dan saringan kesihatan.
3. Kementerian Dalam Negeri merakam ucapan penghargaan kepada pelbagai agensi Kerajaan yang terlibat dalam menyempurnakan proses penyerahan kedua-dua warganegara Malaysia ini.

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail

Menteri Dalam Negeri

18 Disember 2024